

Headline	Kursus haji mulai 1 Januari ini		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	06 Jan 2016	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	171,663
Page No	12	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	229 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,526
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,578



Kursus haji mulai 1 Januari ini

LEMBAGA Tabung Haji (LTH) Kedah cabangan Jitra akan memulakan sesi Kursus Asas Haji (KAH) Musim Haji 1437H/2016 mulai 1 Januari hingga 23 April ini bertempat di Pusat Islam Universiti Utara Malaysia (UUM), Masjid Ar-Rahman Kerpan dan Masjid A'la Jitra.

Pengurus LTH Daerah Kubang Pasu, Burhan Abd. Rahman berkata, pihaknya menjangka lebih 900 peserta bakal menghadiri kursus berkenaan yang bakal dikendalikan oleh tenaga pengajar berpengalaman dan mahir mengenai ibadah tersebut.

"Umat Islam yang ingin menyertai boleh menghubungi masjid terlibat dan Pusat Islam UUM untuk mendaftar. Kursus dikendalikan oleh Ustaz Muhammad Nasir Zain (UUM), Ustaz Dr. Mohamad Khadafi Rofie (Masjid Ar-Rahman) dan Ustaz Muhamad Luthfi Ameer Abdullah (Masjid A'la)," katanya semasa mempergerusikan mesyuarat

peristiwa

yang dihadiri oleh imam, Penasihat Kelab Tabung Haji Jabatan Hal Ehwal Pelajar UUM, pegawai daripada Pusat Islam UUM dan Presiden Kelab Tabung Haji UUM," katanya.

Kursus itu akan diadakan selama 17 siri atau 17 minggu mulai 1 Januari ini yang merangkumi ibadat haji, pengurusan dan kesihatan secara teori dan amali.

"Kursus intensif peringkat daerah Kubang Pasu bagi mereka yang menerima tawaran untuk menuaikkan haji akan menyusul selepas itu. Kita juga akan mengedarkan buku nota KAH secara percuma kepada bakal haji yang terpilih. Bagi yang tidak terpilih boleh membelinya dengan harga RM25 sepanjang kursus dianjurkan," katanya.



BURHAN ABD. RAHMAN (tengah) bersama ahli jawatankuasa Kursus Asas Haji (KAH) 1437H/2016 di Pusat Islam UUM, Sintok, Kedah, baru-baru ini.